

28 OCT 1999

Mahathir-Belanjawan

BELANJAWAN 2000 BUKAN PANCING UNDI, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 28 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata belanjawan tahun 2000 yang akan dibentangkan esok merupakan belanjawan untuk kebaikan semua dan bukan bagi memancing undi pada pilihan raya umum akan datang.

Perdana Menteri menyifatkan belanjawan 2000 sebagai lebih baik daripada belanjawan 1999 yang disediakan tahun lalu ketika keadaan ekonomi negara tidak begitu baik.

"Kerajaan menjangkakan ekonomi tahun depan menunjukkan pencapaian yang lebih baik dan disebabkan itu kita mampu untuk lebih bermurah hati," katanya dalam temuramah dengan Radio Televisyen Malaysia (RTM) di pejabat beliau di Putrajaya, dekat sini.

Katanya ekonomi negara mencapai prestasi yang lebih baik daripada jangkaan kerajaan dan untuk tahun depan, kerajaan meramalkan ia bertambah baik.

Dr Mahathir juga berkata kerajaan menjangkakan lebih banyak hasil tahun depan dan disebabkan ini kerajaan merasakan ia patut mengembangkan wang itu dalam cara yang ia boleh membantu semua orang.

Diminta mengulas dakwaan pembangkang bahawa belanjawan negara kali ini bermatlamat memancing undi, Perdana Menteri berkata pembangkang membuat dakwaan seperti itu setiap kali kerajaan membentangkan belanjawan negara.

"Sebelum ini pun kita tengok sepanjang masa kita buat belanjawan negara mereka dakwa kita hendak adakan pilihan raya tetapi kadang-kadang bila ada lebihan belanjawan kita tidak adakan pilihan raya," katanya.

Ditanya mengenai tindakan pakatan parti pembangkang yang menggelar diri mereka "Barisan Alternatif" mengumumkan belanjawannya untuk tahun depan, Dr Mahathir berkata ini adalah propaganda pembangkang untuk memancing undi dalam pilihan raya umum akan datang.

"Mereka tidak pernah buat belanjawan ... mereka tidak tahu dari mana punca hendak dapatkan wang dan banyak mana boleh dibelanjakan.

"Mereka kalau ada pengalaman pun menerusi bekas anggota kerajaan dan orang ini pun tidak tahu cara mengurus ekonomi bila kita benarkannya, dan bila kita membenarkannya kita hadapi masalah," katanya.

Dr Mahathir yakin majoriti rakyat tidak akan terpengaruh dengan tindakan pembangkang itu kerana rakyat dapat menilai sendiri kebolehan kerajaan dalam mengurus negara termasuk semasa kegawatan ekonomi.

Dr Mahathir juga menyatakan kesalnya kerana ada kementerian yang tidak membelanjakan peruntukan yang disediakan kerana perbuatan itu akan menjejaskan pertumbuhan ekonomi negara.

"Jika mereka tidak berbelanja ini akan menjejaskan pertumbuhan ekonomi negara kerana perbelanjaan kerajaan menyumbang kepada pendapatan orang ramai seperti kontraktor dan konsortium yang tidak dapat meningkatkan perniagaan jika wang tidak belanjakan," katanya.

Menurutnya walaupun setiap kementerian disediakan peruntukan tetapi kebanyakannya tidak mampu membelanjakan peruntukan kerana proses birokrasi yang panjang.

Kerajaan akan meminta kementerian-kementerian itu membelanjakan peruntukan yang disediakan kerana jika tidak, tidak ada makna sama sekali kerajaan menyediakan peruntukan berkenaan, katanya.

Perdana Menteri juga berkata pemulihan ekonomi adalah nyata dan benar

tetapi untuk meningkatkan pencapaian negara, sektor-sektor tertentu perlu diberi perhatian dan ini termasuk mengadakan kempen beli barangan buatan Malaysia dan kempen pemilikan harta yang akan diadakan tidak lama lagi.

Beliau berkata kerajaan akan menyemak semua angka petunjuk ekonomi dalam negara dan mana-mana prestasi yang didapati tidak baik, akan diperbaiki.

Mengenai perbelanjaan terhadap pusat pentadbiran kerajaan persekutuan yang baru di Putrajaya, Dr Mahathir sekali lagi mengingatkan bahawa kerajaan tidak berbelanja lebih daripada kemampuannya.

Menyentuh tentang pembangunan luar bandar pula, Perdana Menteri berkata masyarakat di luar bandar tidak diabaikan malah kerajaan akan terus membangunkan kawasan berkenaan.

-- BERNAMA

ARA RON